

Model

UJIAN AWAL TAHUN

Tingkatan 2

Sejarah (21)

2 jam

Nama	
No. Kad Pengenalan	
Kelas	

ARAHAN:

1. Buka kertas ujian ini apabila diberitahu.
2. Tulis nama, nombor kad pengenalan dan nama kelas anda pada ruang yang disediakan.
3. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas ujian ini.
4. Kertas ujian ini hendaklah diserahkan kepada guru bertugas pada akhir ujian.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Nama Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1 – 20	20	
B	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
C	1	20	
	2	20	
Jumlah		80	

Bahagian A
[20 markah]

Jawab semua soalan.

- 1 Alam Melayu juga dikenali sebagai _____.
A Asia Barat
B Kepulauan Riau
C Dunia Melayu
D Kepulauan Borneo
- 2 Apakah sifat orang Melayu yang mengembangkan bahasa Melayu ke Alam Melayu?
A Gemar belayar
B Gemar belajar
C Gemar mengembara
D Gemar membaca
- 3 Peta berikut menunjukkan lokasi kerajaan Kedah Tua.



Antara berikut, yang manakah pusat kerajaan bagi kerajaan Kedah Tua?


- | | |
|-------------|--------------|
| A Indrapura | C Sungai Mas |
| B Palembang | D Vyadhapura |
- 4 Pemerintah kerajaan Angkor iaitu Suryavarman II telah berjaya meluaskan empayar ke sekitar Lembah Sungai Mekong hingga selatan Myanmar.
Apakah faktor yang mempengaruhi kejayaan tersebut?
I Menguasai jalan laut antarabangsa
II Memperkenalkan sistem perundangan
III Menghalang ancaman daripada Dai Viet
IV Menjalinkan hubungan perdagangan
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 5 Terdapat sumber yang merujuk kerajaan Kedah Tua sebagai Chieh Ch'a. Apakah sumber tersebut?
- A Sumber Arab
B Sumber India
C Sumber Barat
D Sumber China
- 6 Gambar berikut merujuk kepada beberapa buah candi di kawasan Lembah Bujang yang menunjukkan kewujudan kerajaan Kedah Tua.



Apakah faktor yang telah melemahkan kegiatan perdagangan di kerajaan Kedah Tua pada tahun 1025?

- A Diserang oleh tentera Chola
B Diancam oleh kerajaan Siam
C Kematian Raja Ganji Sarjuna
D Kelemahan sistem pemerintahan
- 7 Peta berikut menunjukkan jalan perdagangan Alam Melayu dengan kerajaan luar.



Apakah sikap yang ditunjukkan oleh pemerintah Alam Melayu melalui hubungan perdagangan dengan kerajaan lain?

- A Berwawasan
B Kewibawaan
C Keterbukaan
D Bekerjasama

8 Maklumat berikut berkaitan dengan sistem beraja yang diamalkan oleh kerajaan Alam Melayu.

- Mempunyai unsur kesaktian
- Dianggap sebagai Bodhisattva

Apakah kerajaan yang mengamalkan sistem beraja tersebut?

- A Funan
- B Srivijaya
- C Majapahit
- D Gangga Nagara

9 Mengapakah Sungai Bengawan Solo di Majapahit pernah diabadikan dalam lagu oleh Gesang Martohartono?

- A Keindahan alam sekitarnya
- B Kesibukan urusan perdagangan
- C Kemajuan sistem pemerintahan
- D Kepesatan kegiatan kebudayaan

10 Maklumat berikut berkaitan dengan kegiatan pertanian dalam kerajaan Angkor.

Di Angkor, penanaman padi menuaikan hasil tiga hingga empat kali setahun.

Apakah sumbangan pemerintah kerajaan Angkor terhadap kegiatan pertanian?

- A Membuat teres
- B Membina *baray*
- C Memberi modal
- D Meneroka hutan

11 Apakah tanaman rempah yang diusahakan oleh masyarakat di Kepulauan Maluku?

- A Buah pala
- B Lada hitam
- C Kayu manis
- D Bunga cengkih

12 Apakah pelabuhan utama di Kedah Tua?

- I Oc Eo
- II Palembang
- III Sungai Mas
- IV Pangkalan Bujang
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV


13 Mengapakah pedagang Arab dan Parsi membeli bahan dagangan berikut di Alam Melayu?

Rempah

Kayu wangi

- A Sebagai perhiasan
- B Didagangkan semula
- C Sebagai panji kerajaan
- D Dijadikan bahan perubatan


14 Gambar berikut adalah sarang burung layang-layang yang mendapat permintaan tinggi daripada pedagang asing.



Apakah kegunaan sarang burung tersebut?

- A Perhiasan
- B Bahan pewangi
- C Kraf tangan
- D Perubatan

15 Kerajaan Champa terkenal dengan perlombongan emas.



Di manakah kawasan perlombongan tersebut?

- A Lembah Vijaya
- B Lembah Amarwati
- C Pergunungan Hue
- D Pergunungan Phnom Dek

16 Maklumat berikut berkaitan dengan penggunaan bahasa dan tulisan di Angkor.

Masyarakat kerajaan Angkor menggunakan bahasa Sanskrit dan Khmer.

Apakah bukti masyarakat kerajaan Angkor menggunakan bahasa tersebut?

- A Penemuan inskripsi
- B Catatan di batu bersurat
- C Penggunaan kalendar Saka
- D Menggunakan tulisan Champa kuno

17 Maklumat berikut berkaitan dengan perkembangan agama di Majapahit.

Agama Islam telah tersebar di Majapahit pada abad ke-14.

Apakah kesan penyebaran agama Islam terhadap masyarakat Majapahit?

- A Penulisan inskripsi
- B Penghasilan manuskrip
- C Penggunaan huruf Arab
- D Pengenalan tulisan Kawi

18 Maklumat berikut berkaitan dengan pengaruh bahasa asing terhadap bahasa Melayu.

Bahasa	Perkataan
Sanskrit	Buddhi (budi)
Parsi	Khurma (kurma)
Arab	Dzalim (zalim)

Mengapakah wujud perbendaharaan kata bahasa Melayu tersebut?

- A Peningkatan ilmu pengetahuan
- B Penggunaan bahasa serumpun
- C Pertembungan pelbagai budaya
- D Perkembangan sistem perhubungan

19 Sebelum sistem tulisan digunakan dengan meluas, masyarakat di Alam Melayu terkenal dengan tradisi lisan.

Apakah tema utama tradisi lisan tersebut?

- I Seloka
- II Agama
- III Makanan
- IV Binatang
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

20 Kerajaan Majapahit terkenal dengan kemasyhuran penghasilan karya sejarah.

Apakah karya sejarah tersebut?

- I *Pararaton*
- II *Nagarakertagama*
- III *Akayet Inra Patra*
- IV *Mahabhrata*
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV